



JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA

Telefon : 603-88881199
Faks : 603-88883721

Rujukan Kami : UPTM(S)07/267/2klt.15 (23)

Tarikh : 13 November 2006

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

PEKELILING AM BILANGAN 2 TAHUN 2006

**PENGUKUHAN TADBIR URUS
JAWATANKUASA IT DAN INTERNET KERAJAAN**

TUJUAN

Pekeliling Am ini bertujuan untuk menerangkan mengenai pengukuhan tadbir urus Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) dan jawatankuasa-jawatankuasa kecil di bawahnya.

LATAR BELAKANG

2. **Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK)** telah ditubuhkan pada 6 Februari 1998 sebagai badan induk yang bertanggungjawab menggubal dasar dan strategi, menyelaras perancangan dan pelaksanaan serta memantau semua

program ICT sektor awam. Penubuhan JITIK ini telah dijelaskan melalui **Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1999 “Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK)”**.

3. Seiring dengan penubuhan JITIK, tiga (3) jawatankuasa di bawah JITIK telah ditubuhkan iaitu **Jawatankuasa Tindakan Pelaksanaan IT (JTPIT)** berperanan sebagai badan penasihat kepada JITIK dalam merangka rancangan dan strategi pembangunan ICT sektor awam; **Jawatankuasa Teknikal IT (JTIT)** yang menyelaraskan dan memantau pengoperasian ICT agensi-agensi; dan **Jawatankuasa Latihan dan Pendidikan IT (JLPIT)** yang memberi tumpuan kepada pembangunan ICT kakitangan sektor awam. Peranan jawatankuasa-jawatankuasa tersebut telah diperjelas melalui **Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2000 “Peranan Jawatankuasa-jawatankuasa Di Bawah Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK)”**.

4. Perkembangan ICT di sektor awam yang begitu pesat semenjak JITIK ditubuhkan pada tahun 1998 memerlukan bidang rujukan JITIK dan jawatankuasa-jawatankuasa di bawahnya dilihat semula bagi memastikan ia sentiasa relevan dengan persekitaran dan keperluan semasa ICT sektor awam.

5. **Mesyuarat JITIK Bilangan 1 Tahun 2006** yang telah diadakan pada 8 Mei 2006 telah memutuskan agar struktur tadbir urus JITIK dikaji semula dengan mengambil kira peranan **Jawatankuasa Pemandu Kerajaan Elektronik (EGSC)**. Sehubungan ini, MAMPU telah menjalankan kajian tadbir urus JITIK dan jawatankuasa-jawatankuasa di bawahnya bagi mempertingkatkan keberkesannya. Hasil dari kajian tersebut, struktur tadbir urus JITIK telah diperkukuhkan dengan beberapa pembaharuan dari segi bidang rujukan dan keahlian.

STRUKTUR BARU TADBIR URUS JITIK

6. Struktur baru tadbir urus JITIK adalah seperti di **Lampiran A** dan merangkumi jawatankuasa-jawatankuasa berikut:

(a) Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK)

JITIK mengekalkan peranan sebagai badan induk tertinggi bagi pelaksanaan ICT di sektor awam. JITIK menentukan arah tuju, dasar dan strategi pembangunan ICT di sektor awam. Bidang rujukan dan keahlian JITIK adalah seperti di **Lampiran B**.

(b) Jawatankuasa Kerja JITIK (JKJ)

Jawatankuasa Kerja JITIK (JKJ) akan berperanan sebagai *think-tank* JITIK menggantikan JTPIT. JKJ akan memberi fokus kepada pembangunan strategi dan perancangan ICT sektor awam. Bidang rujukan dan keahlian JKJ adalah seperti di **Lampiran C**.

(c) Jawatankuasa Penyelarasan Kerajaan Elektronik (EGCOM)

Jawatankuasa Penyelarasan Kerajaan Elektronik (EGCOM) akan menggantikan EGSC. Peranan yang dilaksanakan oleh EGCOM adalah lebih luas berbanding dengan EGSC. Projek-projek Kerajaan Elektronik yang di selaras dan dipantau oleh EGCOM merangkumi projek-projek Kerajaan Elektronik di bawah aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia (MSC) dan juga projek-projek ICT kerajaan yang merentasi pelbagai agensi seperti aplikasi komuniti¹, *enterprise-wide*² dan pelaksanaan perkongsian pintar³. EGCOM juga akan memberi perhatian kepada isu-isu pengoperasian pelaksanaan projek-projek ini. Bidang rujukan dan keahlian EGCOM adalah seperti di **Lampiran D**.

(d) Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT)

JTIT diberi nama baru iaitu Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT). JTICT masih mengekalkan peranan menyelaras dan memantau urusan pengoperasian pelaksanaan projek ICT agensi-agensi sektor awam.

¹ **Aplikasi Komuniti** - Aplikasi yang disediakan secara bersama oleh pelbagai agensi yang berkaitan dalam menyediakan perkhidmatan *online* kepada kumpulan sasaran yang sama seperti rakyat dan komuniti perniagaan.

² **Enterprise Wide** - Aplikasi-aplikasi yang menyokong pengurusan dalaman agensi seperti Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia dan Sistem Kewangan.

³ **Perkongsian Pintar** - Perkongsian aplikasi yang telah dilaksanakan di sesebuah agensi yang diperluaskan penggunaannya ke agensi-agensi lain.

Fungsi utama JTICT adalah menimbang dan memberi kelulusan teknikal permohonan perolehan ICT agensi-agensi sektor awam berdasarkan Pelan Strategik ICT (ISP) agensi masing-masing. Bidang rujukan dan keahlian JTICT adalah seperti di **Lampiran E**.

(e) Jawatankuasa Latihan ICT (JLICT)

Jawatankuasa Latihan ICT (JLICT) menggantikan JLPIT. JLICT berperanan membangunkan dasar dan latihan bagi program pembangunan kompetensi, pembudayaan dan pelaksanaan ICT sektor awam. Bidang rujukan dan keahlian JLICT adalah seperti di **Lampiran F**.

PERANAN JITIK DI DALAM TADBIR URUS ICT SEKTOR AWAM

7. Pengukuhan struktur tadbir urus JITIK akan memantapkan lagi tadbir urus ICT sektor awam. Secara keseluruhannya, tadbir urus ICT sektor awam terbahagi kepada tiga peringkat iaitu dasar, strategi dan perancangan; penyelarasan dan pemantauan; dan pengoperasian seperti di **Lampiran G**.

Dasar, strategi dan perancangan

8. Aspek pembangunan dasar, strategi dan perancangan akan dimantapkan melalui JITIK, JKJ dan JLICT. Selain dari JITIK, terdapat jawatankuasa-jawatankuasa lain yang turut menyumbang di dalam pembangunan dan pelaksanaan ICT sektor awam. Antaranya ialah, **Majlis ICT Negara (NITC)** sebagai jawatankuasa tertinggi di dalam membangunkan dasar dan hala tuju ICT di peringkat nasional yang dipengerusikan oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia. Dasar dan hala tuju yang dibangunkan oleh JITIK diselaras dengan dasar dan hala tuju NITC. JITIK juga mendapatkan input dari jawatankuasa-jawatankuasa lain seperti **Implementation Council Meeting (ICM)**, **Flagship Coordination Committee (FCC)**, **Majlis Teknologi Maklumat Negeri (MTMEN)**, dan **Panel Memajukan Perkhidmatan Awam (PANEL)**.

Penyelarasan dan pemantauan

9. Pengukuhan struktur tadbir urus JITIK ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan aspek penyelarasan dan pemantauan pelaksanaan ICT sektor awam melalui EGCOM dan JTICT.

10. Jawatankuasa-jawatankuasa seperti **Jawatankuasa Pemandu Projek Komuniti**, **Jawatankuasa Pemandu Projek Kerajaan Elektronik (peringkat agensi)** dan **Jawatankuasa Perkongsian Pintar** akan mengemukakan status dan isu-isu berkaitan pelaksanaan projek-projek ICT kepada EGCOM.

11. Selain dari itu, **Jawatankuasa Pemandu ICT** di peringkat agensi juga akan mengemukakan permohonan kelulusan teknikal dan status pelaksanaan projek-projek ICT di agensi kepada JTICT untuk tujuan penyelarasan dan pemantauan.

Pengoperasian

12. Terdapat jawatankuasa-jawatankuasa yang berbentuk pengoperasian yang memberi input serta melaksanakan dasar yang ditetapkan oleh JITIK. Di antara jawatankuasa-jawatankuasa tersebut ialah **Jawatankuasa Keselamatan ICT**, **Jawatankuasa Pemandu *Government Integrated Telecommunications Network* (GITN)** dan **Jawatankuasa *Data Dictionary* Sektor Awam (DDSA)** yang memberi tumpuan kepada bidang-bidang ICT yang tertentu. Input dari sektor swasta pula diperoleh melalui **Jawatankuasa Perunding ICT**.

13. Dasar, strategi dan perancangan yang telah ditetapkan oleh JITIK juga di sebarkan kepada forum-forum seperti **Mesyuarat Pengurus-pengurus ICT Sektor Awam**, **Mesyuarat Ketua Pegawai Maklumat ICT (CIO) Sektor Awam**, **Mesyuarat Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO) Sektor Awam** dan **Panel Pegawai Sistem Maklumat (PSM)**. Input dan maklum balas dari forum-forum tersebut juga dipertimbangkan di dalam membangunkan dasar, strategi dan perancangan JITIK.

14. Penerangan ringkas mengenai jawatankuasa dan forum di dalam tadbir urus ICT sektor awam adalah seperti di **Lampiran H**.

PEMAKAIAN

15. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Am ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

TARIKH KUATKUASA

16. Pekeliling Am ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PEMBATALAN

17. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Am ini, pekeliling dan surat pekeliling yang berikut adalah dibatalkan:

- (a) Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1999 – Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK); dan
- (b) Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2000 – Peranan Jawatankuasa-jawatankuasa Di bawah Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK).

PINDAAN

18. Surat Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2004 “Garis Panduan Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Projek ICT Agensi Kerajaan” masih dikuatkuasakan pemakaiannya dengan pindaan bagi Jawatankuasa Teknikal IT (JTIT) digantikan dengan Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT).

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


A handwritten signature in black ink, consisting of the letters 'M' and 'L' followed by a horizontal line.

(TAN SRI MOHD SIDEK HASSAN)

Ketua Setiausaha Negara

(Lampiran kepada
Pekeliling Am
Bil. 2 Tahun 2006)

**STRUKTUR TADBIR URUS
JAWATANKUASA IT DAN INTERNET KERAJAAN (JITIK)**



JAWATANKUASA IT DAN INTERNET KERAJAAN (JITIK)

Bidang Rujukan

Bil.	Bidang Rujukan
i.	Menetapkan visi dan arah tuju bagi pembangunan dan pelaksanaan ICT di sektor awam
ii.	Menimbang bidang strategik dan keutamaan serta memperakukan pelan tindakan dalam pembangunan dan pelaksanaan ICT di sektor awam
iii.	Bertindak sebagai penasihat kepada Kerajaan mengenai dasar ICT bagi sektor awam berasaskan perkembangan ICT semasa dan pembangunan negara
iv.	Menentukan dasar dan strategi pembangunan dan pelaksanaan ICT di sektor awam
v.	Menyelaras dan memantau pelaksanaan program pembangunan ICT di sektor awam

Keahlian

Keahlian
<p><u>Pengerusi:</u></p> <p>Ketua Setiausaha Negara</p> <p><u>Ahli:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam ii. Ketua Setiausaha Perbendaharaan iii. Ketua Pengarah Kesihatan iv. Ketua Audit Negara v. Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi vi. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia vii. Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri viii. Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Keahlian

- ix. Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
- x. Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
- xi. Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi
- xii. Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi
- xiii. Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri
- xiv. Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
- xv. Ketua Pengarah Arkib Negara
- xvi. Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan
- xvii. Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia
- xviii. Ahli Jemputan

Setiausaha: Timbalan Ketua Pengarah (ICT), MAMPU

Urus Setia: MAMPU

JAWATANKUASA KERJA JITIK (JKJ)

Bidang Rujukan

Bil.	Bidang Rujukan
i.	Merangka dan mengesyorkan strategi bagi pembangunan dan pelaksanaan ICT di sektor awam kepada JITIK
ii.	Merangka dan mengesyorkan perancangan bagi pembangunan dan pelaksanaan ICT di sektor awam selaras dengan arah tuju, dasar dan strategi yang diputuskan oleh JITIK
iii.	Merangka dan mengesyorkan pembaharuan dalam bidang-bidang ICT serta garis panduan dan standard bagi pelaksanaan ICT sektor awam

Keahlian

Keahlian
<p data-bbox="305 1171 448 1203"><u>Pengerusi:</u></p> <p data-bbox="305 1241 639 1272">Ketua Pengarah MAMPU</p> <p data-bbox="305 1310 363 1341"><u>Ahli:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="326 1379 1154 1411">i. Ketua Pegawai Maklumat (CIO) Unit Perancang Ekonomi <li data-bbox="326 1430 1019 1461">ii. CIO Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi <li data-bbox="326 1480 1232 1566">iii. Ketua Bahagian Penasihat dan Undang-undang Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara <li data-bbox="326 1585 1013 1617">iv. CIO Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi <li data-bbox="326 1635 1154 1667">v. Timbalan Pengarah (ICT) Institut Tadbiran Awam Negara <li data-bbox="326 1686 898 1717">vi. Pengarah Jabatan Standard Malaysia <li data-bbox="326 1736 907 1768">vii. Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan <li data-bbox="326 1787 586 1818">viii. Wakil MAMPU <li data-bbox="326 1837 963 1869">ix. Wakil Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri <li data-bbox="326 1887 854 1919">x. Wakil Jabatan Kerajaan Tempatan <li data-bbox="326 1938 1094 1969">xi. Presiden Persatuan Juru Analisa Sistem (PERJASA)

Keahlian
xii. Pakar ICT dari Universiti Tempatan xiii. Ahli Jemputan Urus Setia: MAMPU

JAWATANKUASA PENYELARASAN KERAJAAN ELEKTRONIK (EGCOM)Bidang Rujukan

Bil.	Bidang Rujukan
i.	Memantau kemajuan pelaksanaan projek-projek Kerajaan Elektronik sektor awam
ii.	Melaporkan status kemajuan pelaksanaan projek-projek Kerajaan Elektronik sektor awam kepada Mesyuarat JITIK, Panel Memajukan Perkhidmatan Awam (PANEL), Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan dan <i>Flagship Coordination Committee</i> (FCC) dan mesyuarat-mesyuarat lain yang berkaitan
iii.	Menyelaras pelaksanaan dan menyelesaikan isu-isu pelaksanaan projek-projek Kerajaan Elektronik sektor awam

Keahlian

Keahlian
<p><u>Pengerusi:</u></p> <p>Ketua Pengarah MAMPU</p> <p><u>Ahli:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Peguam Negara Malaysia ii. Ketua Audit Negara iii. Pengarah INTAN iv. Pengarah Bahagian Dasar ICT Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi v. Setiausaha Bahagian Dasar Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi vi. Setiausaha Bahagian Perolehan Kementerian Kewangan vii. Pengarah Seksyen Penilaian Unit Perancang Ekonomi viii. Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia ix. Ketua agensi-agensy peneraju projek-projek Kerajaan Elektronik

Keahlian
x. Ahli Jemputan Urus Setia: MAMPU

JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT (JTICT)

Bidang Rujukan

Bil.	Bidang Rujukan
i.	Menimbang dan mengesahkan Pelan Strategik ICT (ISP) agensi-agensi sektor awam
ii.	Menimbang dan memberi kelulusan teknikal projek ICT bagi agensi-agensi sektor awam
iii.	Menyelaras pembangunan dan pelaksanaan ICT di agensi-agensi sektor awam
iv.	Mengenal pasti masalah-masalah dan isu-isu semasa di dalam pelaksanaan ICT di agensi-agensi sektor awam serta memperakukan cadangan untuk mengatasinya
v.	Memantau kemajuan pelaksanaan projek-projek ICT agensi yang diluluskan
vi.	Menyediakan laporan kepada JITIK mengikut keperluan

Keahlian

Keahlian
<p><u>Pengerusi:</u></p> <p>Ketua Pengarah / Timbalan Ketua Pengarah (ICT) MAMPU</p> <p><u>Ahli:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Wakil Jabatan Audit Negara ii. Wakil Unit Perancang Ekonomi iii. Wakil Bahagian Pembangunan Organisasi Jabatan Perkhidmatan Awam iv. Wakil Bahagian Perolehan Kementerian Kewangan v. Wakil MAMPU vi. Pakar ICT dari Agensi Sektor Awam

Keahlian
vii. Ahli Jemputan Urus Setia: MAMPU

JAWATANKUASA LATIHAN ICT (JLICT)

Bidang Rujukan

Bil.	Bidang Rujukan
i.	Mengenal pasti bidang kompetensi ICT teras bagi kakitangan awam secara am dan personel ICT secara khusus
ii.	Mengesyorkan dasar pembangunan kompetensi ICT kakitangan awam bagi menyokong pembangunan dan pelaksanaan ICT di sektor awam
iii.	Merancang program latihan bagi meningkatkan pembudayaan ICT di kalangan kakitangan awam berdasarkan arah tuju ICT sektor awam
iv.	Mengadakan kerjasama dengan institusi latihan lain termasuk Institusi Pengajian Tinggi dalam merancang dan melaksana program latihan ICT
v.	Memantau kemajuan latihan ICT di sektor awam
vi.	Mengenal pasti bidang-bidang latihan yang perlu diberi pengiktirafan

Keahlian


Keahlian
<p><u>Pengerusi:</u></p> <p>Pengarah INTAN</p> <p><u>Ahli:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Wakil Kementerian Pelajaran Malaysia ii. Wakil Kementerian Pengajian Tinggi iii. Timbalan Pengarah (ICT) INTAN iv. Ketua Program Latihan ICT INTAN v. Ketua Program Teknologi INTAN

Keahlian

- vi. Ketua Program Pembangunan dan Inovasi INTAN
- vii. Ketua Program E-Pembelajaran INTAN
- viii. Wakil Bahagian Latihan Jabatan Perkhidmatan Awam
- ix. Wakil MAMPU
- x. Wakil Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)
- xi. Wakil Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)
- xii. Wakil Institut Aminuddin Baki (IAB)
- xiii. Wakil Institut Penilaian Negara (INSPEN)
- xiv. Wakil Akademi Percukaian
- xv. Wakil Panel Pegawai Sistem Maklumat
- xvi. Tiga (3) Wakil Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
- xvii. Dua (2) wakil Institut Pengajian Tinggi Awam
- xviii. Dua (2) wakil Institut Pengajian Tinggi Swasta
- xix. Ahli Jemputan

Urus Setia: INTAN

STRUKTUR TADBIR URUS ICT SEKTOR AWAM



**PENERANGAN RINGKAS JAWATANKUASA DAN FORUM DI DALAM TADBIR
URUS ICT SEKTOR AWAM**

JAWATANKUASA	PENERANGAN
Majlis IT Negara atau <i>National IT Council</i> (NITC)	NITC merangka dasar dan strategi bagi pembangunan ICT negara yang merangkumi perancangan strategik dan pengurusan, penyelarasan, penilaian teknologi dan unjuran serta aktiviti promosi
Majlis Teknologi Maklumat Negeri (MTMEN)	MTMEN merupakan badan tertinggi di negeri yang bertanggungjawab menentukan arah tuju, menggubal dasar dan strategi, menyelaraskan dan memantau semua program ICT di peringkat negeri
<i>Implementation Council Meeting</i> (ICM)	ICM merupakan Jawatankuasa Pemandu bagi aplikasi-aplikasi <i>flagship</i> dan pasukan petugas infrastruktur <i>Multimedia Super Corridor</i> (MSC)
<i>Flagship Coordination Committee</i> (FCC)	FCC merupakan jawatankuasa yang memastikan pelaksanaan projek aplikasi-aplikasi <i>flagship</i> selaras dengan objektif MSC
Panel Memajukan Perkhidmatan Awam (PANEL)	PANEL berperanan untuk menentukan strategi pelaksanaan program-program pembaharuan dalam perkhidmatan awam
Jawatankuasa Pemandu Projek Kerajaan Elektronik (peringkat agensi)	Jawatankuasa Pemandu Projek Kerajaan Elektronik memantau pelaksanaan khusus sesuatu projek Kerajaan Elektronik di peringkat agensi. Contoh: Jawatankuasa Pemandu Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) bagi Projek HRMIS yang diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
Jawatankuasa Pemandu Projek Komuniti	Jawatankuasa Pemandu Projek Komuniti memantau pelaksanaan projek-projek yang merentasi pelbagai agensi berkaitan. Contoh: Jawatankuasa Pemandu Projek e-Khidmat Sosial bagi projek e-Khidmat Sosial yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) dan dianggotai oleh 14 agensi lain
Jawatankuasa Pemandu <i>Government Integrated Telecommunications Network</i> (GITN)	Jawatankuasa Pemandu GITN menentukan keperluan dan memberi khidmat nasihat kepada agensi-agensi kerajaan berhubung penggunaan rangkaian GITN bagi menjamin keselamatan serta

JAWATANKUASA	PENERANGAN
	keutuhan maklumat kerajaan
Jawatankuasa Perkongsian Pintar (JPP)	JPP memastikan pelaksanaan aplikasi-aplikasi ICT melalui pendekatan perkongsian pintar antara agensi-agensi kerajaan dalam bidang pembangunan ICT
Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Agensi	JPICT berperanan merancang dan menyelaras pelaksanaan program/projek-projek ICT di peringkat kementerian dan agensi
Jawatankuasa Perunding ICT	Jawatankuasa Perunding ICT berperanan untuk meningkat dan mengeratkan lagi kerjasama di antara sektor awam dengan sektor swasta dalam bidang ICT. Ia juga memberi maklumat dan penerangan mengenai dasar dan strategi bagi pembangunan ICT di samping mendapatkan maklum balas dan cadangan daripada sektor swasta
Jawatankuasa Data <i>Dictionary</i> Sektor Awam (DDSA)	Jawatankuasa DDSA berperanan merancang, memantau dan menyelaras pembangunan dan pelaksanaan kamus data sektor awam
Jawatankuasa Keselamatan ICT (JKICT)	JKICT berperanan merancang dan menyelaras pelaksanaan program dan projek-projek keselamatan ICT sektor awam.
Mesyuarat Ketua Pegawai Maklumat (CIO) Sektor Awam	Mesyuarat CIO Sektor Awam bertujuan membincangkan isu dan masalah serta maklumat semasa yang memerlukan penglibatan CIO di semua peringkat
Mesyuarat Pengurus-pengurus ICT Sektor Awam	Mesyuarat Pengurus-pengurus ICT Sektor Awam merupakan forum perbincangan pengurus-pengurus ICT sektor awam mengenai pelaksanaan ICT di sektor awam
Mesyuarat Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO) Sektor Awam	Mesyuarat ICTSO bertanggungjawab untuk melaksanakan tindakan-tindakan yang ditetapkan dalam Rangka Dasar Keselamatan ICT serta membincangkan isu dan masalah keselamatan ICT di sektor awam
Panel Pegawai Sistem Maklumat (PSM)	Panel PSM bertanggungjawab untuk mengenalpasti dan mengembangkan idea bagi meningkatkan kecekapan PSM di sektor awam